

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 11 MAC 2015

RUJUKAN : 7495

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:

- a. Adakah Kementerian mengkaji keperluan Akta Hasutan dikemas kini untuk tujuan penambahbaikan kerana dilihat ramai yang lari ke luar negara setelah mengeluarkan kenyataan yang boleh menggugat kestabilan awam; dan
- b. Apakah Kerajaan telah membuat perjanjian serah balik dengan negara-negara barat supaya ekstradisi dapat dilaksanakan untuk membawa penjenayah pulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan dari semasa ke semasa terus mengkaji keperluan untuk membuat penambahbaikan terhadap undang-undang di negara ini agar ianya sentiasa relevan dan memenuhi keperluan perkembangan semasa. Ini termasuklah kajian terhadap pindaan Akta Hasutan 1948. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan dasar di Persidangan Agung UMNO 2014 pada 27 November 2014 yang lalu telah mengumumkan supaya Akta Hasutan 1948 dikekalkan dengan dilakukan beberapa penambahbaikan.

Antara elemen utama yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan tersebut adalah untuk memasukkan elemen untuk melindungi kesucian Agama Islam, agama-agama lain dan individu-individu atau kumpulan yang cuba untuk mengeluarkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia. Kajian ini merujuk kepada perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. InsyaAllah, saya akan membentangkan Pindaan Rang Undang-undang tersebut di sesi Parlimen pada kali ini. Saya berharap demi kebaikan kita bersama sokongan Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan telah menandatangani triti ekstradisi dengan tujuh (7) negara iaitu Thailand, Indonesia, Amerika Syarikat, Hong Kong, Australia, India dan Korea Selatan. Selain daripada tujuh (7) negara berkenaan, Kerajaan juga sedang dalam proses mengadakan rundingan triti ekstradisi dengan beberapa lagi negara seperti China dan Iran. Perjanjian ini akan disemak semula dengan beberapa buah negara kerana ada di antaranya telah lama ditandatangani untuk disesuaikan dengan lanskap semasa.